

**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 25 Ogos 2024.



Untuk Terbitan Media

25 Ogos 2024

## SIARAN MEDIA

### **SEMINAR TEKNIKAL ISSA 2024 BERMULA SELASA, LIBATKAN LEBIH 1,000 PESERTA**

**KUALA LUMPUR –** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjangkakan lebih 1,000 peserta dari dalam dan luar negara bakal menghadiri Seminar berkenaan Keselamatan Sosial untuk Pekerja Sendiri dan Pekerja Platform yang akan bermula Selasa, 27 Ogos ini.

Berlangsung di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur pada 27 dan 28 Ogos, Seminar Teknikal ISSA 2024 ini di anjurkan PERKESO bersama Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA).

Ia bakal menampilkan lebih 20 pakar pengamal keselamatan sosial terkemuka dunia sebagai ahli panel.

Mereka akan membincangkan berkenaan amalan terbaik dan penyelesaian teknikal yang memberi penekanan aspek keselamatan sosial untuk individu bekerja sendiri dan pekerja platform.

Antara barisan panel yang akan berkongsi input sepanjang dua hari acara ini berlangsung adalah Pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor, Ketua Pakar Teknikal - Perlindungan Sosial, Pasukan DWT, Pejabat Serantau Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Bangkok, Kenichi Hirose dan Timbalan Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan Persaraan Kebangsaan, Korea, Dr. In Young Jung.

Turut ditampilkan adalah Ketua Setiausaha ISSA, Marcelo Abi-Ramia Caetano, Pengurus Kumpulan Protokol dan Entiti, Institusi Keselamatan Sosial Turkiye, Zeynep GÜNDER dan ramai lagi.

Program ini memberi fokus berkenaan peningkatan kesedaran memperluas perlindungan keselamatan sosial, mendidik peserta tentang perkembangan terkini dalam ekonomi gig dan memberi maklumat mengenai trend masa depan serta mengenal pasti kelompongan dan penyelesaian efektif dalam perlindungan keselamatan sosial sedia ada.

Antara peserta antarabangsa yang telah menyatakan kehadiran adalah dari negara Switzerland, Korea, Jepun, Singapura, Thailand, India, China, Turkiye dan banyak lagi.

PERKESO turut memaklumkan, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dijangka hadir untuk merasmikan Seminar Teknikal ISSA 2024.

Program bertaraf antarabangsa ini akan turut dihadiri Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, Presiden ISSA ke -17, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Ketua Setiausaha KESUMA, Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud.

Tamat  
###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Korporat PERKESO**

**25 Ogos 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah**

**+6019-7107479**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**